## Pelajaran 2 : Sistem Kewangan Islam

### 1.2.1 Konsep Asas Muamalat dalam Islam

| Maksud |
|---|
| Hubungan antara manusia dgn manusia lain dlm segenap segi kehidupan kekeluargaan, ekonomi, politik, pemerintahan, jenayah dan sebagainya.<br><br>Muamalat dalam Islam :<br>- Tatacara urusan harian sesama manusia dlm memenuhi keperluan masing² melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam. |

| Firman Allah SWT, al – Nisa 4 : 29 |
|---|
| "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta benda sesama kamu dengan jalan yang batil (salah), kecuali dengan perniagaan yang dilakukan secara saling meredai antara kamu ..." |

| Muamalat Islam |
|---|
| **Matlamat :**<br>Mengawal manusia dlm menguruskan sistem ekonomi dan kewangan mereka agar lahir masyarakat yg bersatu padu, harmoni, saling menghormati dan aman. |
| **Prinsip² Muamalat Islam :**<br>✓ Kerelaan dlm berurus niaga.<br>✓ Tidak mengandungi elemen haram sprt tiba, gharar dan perjudian.<br>✓ Urus niaga tidak membawa kpd kerosakan terhadap struktur ekonomi dan social masyarakat. |
| **Ciri² Muamalat Islam :**<br>✓ Bersumberkan : al – Quran dan al – Hadis.<br>✓ Reda – meredai dlm urusan antara kedua – dua belah pihak.<br>✓ Adil dan mendatangkan manfaat.<br>✓ Tidak melakukan penipuan. |

Gharar : Ketidakpastian dalam sesuatu akad atau kontrak jual beli sama ada dari segi kuantiti, kualiti, harga, waktu penyerahan dan sebagainya.

## 1.2.2 Jenis – jenis Muamalat Islam & Cara – cara Pelaksanaanya

| Jenis | Definisi |
|---|---|
| Al – Wadi' ah ( Simpanan ) | Mewakilkan sesuatu barangan atau harta kpd pihak lain utk disimpan. |
| Al – Mudarabah ( Pelaburan ) | Pelabur memberi modal kpd pengusaha utk diperniagakan dan keuntungan akan dibahagikan mengikut perjanjian. |
| Al – Murabahah ( Jualan Penambahan Untung ) | Jual beli sesuatu barangan dgn makluman harga kos bersama$^2$ tambahan margin keuntungan. |
| Al – Musyarakah ( Syarikat ) | Akad antara dua org atau lebih utk berkongsi modal dan keuntungan dlm sesuatu perniagaan. |
| Al – Rahnu ( Gadaian ) | Proses menyerahkan harta sbg cagaran utk mendapatkan hutang. |
| Al – Ijarah ( Sewa – menyewa ) | Perjanjian yg membolehkn seseorg mengambil faedah atau manfaat drpd milik org lain dgn bayaran tertentu. |
| Al – Bai' Bithaman Ajil ( Jualan dgn bayaran tertangguh ) | Penjualan barangan berasaskn pembayaran tertangguh pd harga tertentu secara ansuran atau sekali gus mengikut tempoh yg telah ditetapkan. |
| Takaful ( Insurans Islam ) | Pelan perlindungan berdasarkan prinsip syariah melalui caruman sejumlah wang yg akn disalurkan kpd pihak yg mengalami kemudaratan atas dasar ta'awun dan tabarru'. |

Margin : Perbezaan antara dua jumlah.

Ta' awun : Tolong – menolong antara eakan peserta skim takaful yg ditimpa musibah tertentu.

Tabarru' : Peserta skim takaful mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yg dibayar semasa menyertai skim takaful.

| Jenis | Cara Pelaksanaan |
|---|---|
| Al – Wadi' ah ( Simpanan ) | Zul mengamanahkan wangnya kpd pihak bank utk disimpan. Bank pula memberikan jaminan bahawa wang tersebut akan dikembalikan kpdnya apabila diminta. |
| Al – Mudarabah ( Pelaburan ) | Abu ( pemodal ) bersetuju utk membiayai projek yg akan dilaksanakan oleh Ali ( pengusaha ) menurut nisbah keuntungan yg telah dipersetujui bersama. |
| Al – Murabahah ( Jualan Penambahan Untung ) | Penjual menyatakan kos yg terlibat dan keuntungan yg dikehendakinya. Manakala pembayaran boleh dilakukan semasa penyerahan barang atau pada masa yg dipersetujui bersama. Contoh, Fara menjual rumahnya dgn mengambil keuntungan sebnyk 20% drpd harga asal rumah tersebut. |
| Al – Musyarakah ( Syarikat ) | Faiz mendapatkn modal drpd rakan kongsinya bg memulakan perniagaan melalui perkongsian. Keuntungan atau kerugian ditanggung bersama sbgaimana dipersetujui bdasarkan modal masing$^2$ sama ada besar atau kecil. |
| Al – Rahnu ( Gadaian ) | Tasha pergi ke pejabat al – Rahnu utk menggadaikan barangan kemas, seterusnya mendpt sejumlah wang bgi memulakan perniagaan. Kemudian, pihak ar – Rahnu memberi surat gadaian kpdnya bgi menebus semula barangan kemas tsbt dlm masa yg ditetapkan. |
| Al – Ijarah ( Sewa – menyewa ) | Umar selaku pemberi sewa dgn rela melakukan akad ( kontrak ) bgi menyewa rumah miliknya selama setahun kpd Amar dgn kadar sewa RM500 sebulan. |
| Al – Bai' Bithaman Ajil ( Jualan dgn bayaran tertangguh ) | Ilman membeli kereta secara pinjaman bank yg membiayai pembelian kereta baharunya. Pihak bank menjual semula kereta tsbt kpdnya dgn harga pokok dan keuntunga. Ilman membayar pinjamannya secara tertangguh mengikut tempoh masa yg ditetapkan secara ansuran. |
| Takaful ( Insurans Islam ) | Anis menyertai skim takaful dgn melakukan bayaran secara bulanan kpd syarikat takaful, iaitu sebahagian drpd wangnya didermakan ( tabarru' ) kpd pihak yg ditimpa musibah atas dasar dan prinsip tolong – menolong ( ta' awun ). |

| Jenis Muamalat | Perbezaan | Persamaan |
|---|---|---|
| Al – Wadi' ah | Simpanan pemilik dijamin dan tiada sebarang keuntungan dijanjikan. | Simpanan dan Pelaburan |
| Al – Mudarabah | Pemodal berpotensi mendpt keuntungan yg tinggi, namun berisiko menerima kerugian yg tinggi juga. | |
| Al – Musyarakah | Keberhasilan syarikat menentukan keuntungan atau kerugian pemodal. | |
| Al – Murabahah | Penjualan barangan dengan makluman kos bersama$^2$ tambahan margin keuntungan. | Kontrak Jual Beli |
| Al – Bai' Bithaman Ajil | Jual beli barangan dgn bayaran tertangguh sama ada secara ansuran atau sekali gus. | |
| Al – Rahnu | Pembiayaan wang dgn menjadikan barangan yg berharga sbg cagaran. | Membantu org yg memerlukan pembiayaan tunai segara atau perkhidmatan. |
| Al – Ijarah | Pemilikan manfaat barangan atau perkhidmatan dgn bayaran sewaan. | |

| Membeli sebuah kereta. |
|---|
| Jenis muamalat : Al – Bai' Bithaman Ajil.<br><br>- Membuat pemohonan utk pembiayaan keretanya dgn bayaran dibuat secara ansuran selama 9 tahun.<br>- Setelah mendpt kelulusan, pihak bank membeli kereta itu dgn harga RM50, 000 drpd syarikat penjual kereta.<br>- Kemudian, pihak bank menjualnya semula dgn harga tertangguh sebnyk RM64, 800.<br>- Melalui kontrak ini, pembeli membuat pembayaran kpd pihak bank sebnyk RM600 setiap bulan selama 9 tahun. |

## 1.2.3 Peranan Institusi Kewangan Islam dlm Mengurus Muamalat Islam

| Maksud |
| --- |
| Institusi kewangan Islam : Badan atau agensi milik kerajaan dan swasta yg mengutip sumber² kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam |

| Institusi Kewangan Islam di Malaysia |
| --- |
| (1) Perbankan Islam.<br>(2) Tabung Haji.<br>(3) Takaful.<br>(4) Zakat.<br>(5) Wakaf.<br>(6) Baitumal. |

| Sejarah Institusi Kewangan Islam pd Zaman Rasulullah SAW |
| --- |
| - Telah wujud pd zaman Rasulullah SAW.<br>- Insitusi baitulmal telah ditubuhkan utk mengumpul harta negara : Zakat, jizyah, ghanimah, fai’ dan sebagainya.<br>- Kemudiannya, harta tsbt diagihkan kpd : Org miskin, ank yatim dan golongan yg memerlukan. |

Jizyah : Cukai yg dikenakan kpd org bukan Islam yg menetap dan berlindung dlm sebuah negara Islam.

Ghanimah : Harta rampasan dlm peperangan.

Fai’ : Harta yg dikuasai drpd org bukan Islam tanpa melalui jln perang.

| Peranan Insitusi Kewangan Islam | | |
| --- | --- | --- |
| **Perbankan Islam** | **Tabung Haji** | **Takaful** |
| Insititusi yg diwujudkan utk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank, khususnya kpd umat Islam dgn cara yg patuh syariah.<br>- Menyediakan urusan perbankan Islam yg patuh syariah.<br>- Mempromosikan produk² kewangan Islam | Sebuah badan berkanun yg ditubuhkan pd tahun 1963 dan ditadbir berdsrkan Akta Tabung Haji 1995 ( Akta 535 ).<br>- Menyediakan kemudahan penyimpanan wang utk menunaikan haji kpd para pendeposit.<br>- Menjalankan aktiviti pelaburan bagi memberi nilai tambah kpd para pelangganya. | Berkembang pesat selaras dgn perkembangan industri perbankan Islam di Malaysia.<br>- Menyediakan sistem perlindungan yg patuh syariah dlm hal ehwal insurans Islam.<br>- Persediaan menghadapi malapetaka kewangan yg memberi kesan dan risiko besar kehiduapan : Kematian dan sakit mental. |

| Peranan Insitusi Kewangan Islam | | |
|---|---|---|
| **Zakat**<br>Institusi awam yg ditubuhkan utk mewujudkan sistem pengurusan zakat yg lebih sistematik.<br>- Mengutip zakat drpd pembayar zakat.<br>- Mengagihkan zakat secara efisien dan adil kpd asnaf zakat. | **Wakaf**<br>Pengurusan dan pentadbiran wakaf diletakkan di bwh Majlis Agama Islam setiap negeri yg merupakan pemegang tunggal kpd semua harta wakaf di Malaysia.<br>- Memastikan harta wakaf ditadbir dgn baik dan efisien supaya masyarakat Islam mendpt faedah drpd harta wakaf.<br>- Memegang amanah kesemua harta wakaf. | **Baitulmal**<br>Fungsi : Menguruskan harta org Islam yg ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri mengikut Undang$^2$ Pentadbiran Agama Islam Negeri.<br>- Menerima pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara : Zakat, harta wakaf, cukai dll.<br>- Membahagikan semula manfaatnya kpd rakyat secara adil. |

### 1.2.4 Kepentingan Pelaksanaan Muamalat Islam dan Pengurusan Institusi Kewangan Islam dlm Kehidupan.

| Kepentingan |
|---|
| **Individu :**<br>- Mendpt manfaat dri sudut ganjaran pahala kerana menuruti muamalat Islam yg berteraskan wahyu.<br>- Memperoleh jaminan keadilan dlm sistem kewangan Islam. |
| **Masyarakat :**<br>- Masyarakat dpt saling mengenali dan mengeratkan silaturahim.<br>- Masyarakat hidup dlm suasana bantu – membantu melalui sistem ta' awun dan tabarru'. |
| **Negara :**<br>- Ekonomi negara dlm keadaan baik dan diredai Allah SWT.<br>- Pendptan dan pengagihan harta negara dpt dilaksanakan dgn efisien. |

| Keburukan Tidak Bermuamalat dgn Muamalat Islam |
|---|
| **Individu :**<br>- Dilaknat oleh Allah SWT kerana ingkar suruhan syariat.<br>- Jiwa menjadi resah kerana takut harta ditipu oleh org lain.<br>- Dibenci masyarakat kerana melakukan penindasan.<br>- Melahirkan individu yg tamak kerana memetingkan diri sendiri. |
| **Masyarakat :**<br>- Berpecah belah kerana hilang semangat tolong – monolong.<br>- Tidak aman kerana berlaku permusuhan.<br>- Berlaku penindasan dlm masyarakat : Riba.<br>- Akan bersikap prejudis antara satu sama lain. |
| **Negara :**<br>- Ekonomi negara merosot kerana tidak diberkati Allah SWT.<br>- Wujudnya jurang ekonomi yg ketara antara golongan kaya dgn miskin.<br>- Negara akn terjebak dlm krisis hutang yg tinggi akibat sistem riba.<br>- Para pelabur kurang yakin utk melakukan pelaburan di dlm negara. |

### 1.2.5 Amalan Muamalat dan Aktiviti Kewangan Islam

| Amalan Muamalat dan Aktiviti Kewangan Islam |
|---|
| (1) Berjual beli dgn jujur dan amanah.<br>(2) Sewa – menyewa dgn kontrak yg dipersetujui bersama.<br>(3) Mendptkn pembiayaan dgn serahan barang cagaran.<br>(4) Membuka akaun simpanan menggunakan sistem perbankan Islam.<br>(5) Menggunakan produk takaful dlm kehidupan.<br>(6) Melabur wang dlm skim pelaburan patuh syariah. |

| Langkah Menggalakkan Masyarakat Bermuamalat dgn Muamalat Islam |
|---|
| (1) Memberi didikan agama khusunya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam dlm sistem Pendidikan agama.<br>(2) Memberikan penerangan melalui media massa supaya masyarakat tahu kebaikkan bermuamalat dgn muamalat Islam.<br>(3) Mengembangkan kemudahan perbankan Islam secara menyeluruh.<br>(4) Mengemaskinikan sistem muamalat Islam supaya boleh menarik minat masyarakat utk memilih perbankan Islam. |